

BAB TIGA

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan subjek kajian dan kaedah kajian .

3.1 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 4 orang pelajar. Mereka terdiri daripada 2 pelajar Cina , seorang pelajar India dan seorang pelajar Melayu. Mereka ini mengalami pelbagai masalah disiplin dan tidak menunjukkan minat untuk belajar.

Keempat - empat subjek dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kriterianya adalah seperti berikut :

- a. Subjek dipilih dari nama pelajar tersenarai dalam buku Laporan Disiplin Sekolah dari tempoh Januari 1999 hingga April 2000.

- b. Subjek terlibat di dalam pelbagai masalah disiplin. Di antaranya ialah mencuri, merokok, bertumbuk, ponteng kelas, ponteng sekolah, tidak membawa buku, tidak membuat kerja rumah, mengeluarkan kata lucah, membuat bising semasa guru mengajar, tidur di dalam kelas, melawan guru dan datang lewat ke sekolah. Iaitu subjek sekurang-kurangnya sekali terlibat dalam masalah disiplin di atas.

Subjek yang terlibat secara kerap dalam masalah disiplin ialah ponteng kelas, tidak membawa buku, tidak membuat kerja rumah dan mengeluarkan kata lucu. Kekerapan masalah disiplin ini berlaku sekurang-kurangnya dalam sekali dalam seminggu.

3.2 Kaedah

Kaedah kajian kes digunakan untuk mempastikan samaada faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor diri sendiri berkaitan dengan perbuatan masalah disiplin keempat -empat subjek.

Buku-buku dokumen dan temubual diteliti dengan rapi dalam proses pengumpulan data. Buku-buku dokumen yang akan diteliti dan dikaji ialah kad 001 (Kad Rekod Persekolahan Pelajar), Rekod kedatangan Pelajar, Fail Disiplin Sekolah dan Borang Kawalan Kelas.

Maklumat tentang diri pelajar, keluarga, rekod kesihatan dan minat kerjaya pelajar boleh diperolehi dari kad 001. Di dalam Rekod Kedatangan Pelajar , maklumat pelajar ponteng sekolah dapat diperoleh. Di dalam Fail Disiplin Sekolah dan Borang Kawalan Kelas maklumat tentang jenis kesalahan disiplin, bila kesalahan dibuat.

Temubual

Temubual dijalankan secara separa-berstruktur. Soalan temubual diambil daripada Latihan Ilmiah Marinah (1995) (telah dibuat sedikit penyesuaian)

Pengumpulan data dibuat mengikut langkah-langkah seperti berikut:

Langkah 1

Pengkaji telah menyemak Kad Rekod Persekolahan Pelajar (Kad 001) untuk mendapatkan latar belakang peribadi subjek. Antara maklumatnya adalah :-

- a. Butir-butir diri pelajar iaitu nama, umur, bangsa, cita-cita dan alamat rumah serta nombor telefon rumah.
- b. Butir-butir keluarga seperti nama ibubapa, pekerjaan ibubapa ,pendapatan ibubapa dan bilangan anak dalam keluarga.

Langkah 2

Temubual dengan subjek

Sebelum temubual pengkaji memberitahu tentang tujuan kajian dan maklumat yang diberikan adalah tujuan akademik sahaja.

Setiap subjek ditemubual secara individu untuk mengkaji bagaimana rakan sebaya ,keluarga dan diri sendiri mempengaruhi perbuatan tidak berdisiplin.

Sesi temubual dijalankan dalam suasana yang mesra. Ianya dijalankan dibilik khas. Temubual dijalankan selepas waktu persekolahan.

Setiap subjek ditemubual sebanyak 3 sesi. Setiap sesi ini mengambil masa 35-40 minit. Di dalam sesi pertama temubual tentang diri subjek iaitu mengenai minat belajar,hubungan terhadap ibubapa dan adik-beradik. Di dalam sesi kedua pengkaji memfokaskan tentang hubungan subjek dengan keluarga. Perkara yang ditemubual ialah kawalan disiplin, bimbingan dan perhatian keluarga terhadap pembelajaran, kewangan keluarga dan interaksi keluarga. Di dalam sesi ketiga hubungan antara subjek dengan rakan sebaya ditemubual. Perkara yang menjadi tumpuan ialah aspek pergaulan, jenis rakan sebaya, aktiviti yang dijalankan bersama dan pengaruh rakan sebaya.

Langkah 3

Temubual Dengan Ibubapa

Pengkaji telah ke rumah subjek untuk membuat pemerhatian dan temubual dengan ibubapa subjek. Maklumat tentang interaksi subjek dengan keluarga perlu diperolehi. Pengkaji telah melakukan 3 lawatan ke rumah subjek untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut.